

SOALAN NO. 216

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN ALICE LAU KIONG
YIENG [LANANG]**

SOALAN :

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah bilangan penjawat awam di setiap Kementerian dan pecahannya mengikut gred jawatan, jantina dan kaum.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Ogos 2017, jumlah pengisian penjawat awam di Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya adalah seramai 1,259,856 pegawai tidak termasuk Perkhidmatan Polis dan Angkatan Tentera Malaysia. Daripada jumlah tersebut, pecahan mengikut gred adalah sebanyak 0.2% pegawai di Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), 40.0% pegawai di gred 41 hingga gred 54 dan 59.8% pegawai di gred 11 hingga gred 40 dan pecahan pegawai mengikut jantina adalah 42.4% pegawai lelaki dan 57.6% pegawai wanita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengisian mengikut pecahan peratus kaum di Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawahnya adalah 77.3% Melayu, 6.3% Cina, 4.0% India dan 12.4% lain-lain (Bumiputera Sabah, Bumiputera Sarawak, Orang Asli Semenanjung, Siam dan lain-lain).

Sekian, terima kasih.

SOALAN (217)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN :

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [LANANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah peruntukan tahunan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Sarawak dalam Rancangan Malaysia ke-10 dan Rancangan Malaysia Ke-11 untuk tujuan pembangunan; dan
- (b) pecahan agihan peruntukan tersebut mengikut Kementerian dan jenis pembangunan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak pernah mengabaikan mana-mana negeri dalam pembangunan demi kesejahteraan rakyat secara keseluruhannya. Negeri Sarawak merupakan antara negeri yang menerima peruntukan yang besar dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) (2011 – 2015). Dalam tempoh ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan sebanyak RM18.1 bilion (dipinda) bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan di negeri Sarawak. Bagi RMKe-11 pula, setakat ini Negeri Sarawak telah disediakan peruntukan sebanyak RM8.5 bilion iaitu RM4.1 bilion bagi tahun 2016 dan RM4.4 bilion bagi tahun 2017 dan peruntukan yang telah diluluskan ini juga merupakan antara peruntukan yang terbesar bagi semua negeri dalam tempoh tersebut.

Pada tahun 2017, peruntukan Negeri Sarawak mengikut kementerian yang terbesar adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) iaitu sebanyak RM1,699 juta. Antara peruntukan terbesar di bawah JPM adalah bagi membiayai projek Lebuhraya Pan Borneo (RM1,000 juta)

dan Pembangunan Koridor di bawah *Regional Corridor Development Authority* (RECODA) sebanyak RM498 juta. Antara projek di bawah RECODA adalah seperti:

- i. Jalan Akses Ke Tapak Empangan Baleh, Bahagian Kapit;
- ii. Taman Perindustrian Samalaju;
- iii. Bekalan Air Mukah; dan
- iv. Penyediaan Tapak Dan Infrastruktur Bagi Pusat Pembangunan Hub Halal Tanjung Manis Fasa 1.

Peruntukan kedua terbesar kepada Negeri Sarawak disediakan kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dengan peruntukan sebanyak RM1,052 juta. Peruntukan ini antaranya disediakan bagi membiayai bekalan air luar bandar, projek jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan projek NKEA.

Selain itu, di bawah Kerajaan Persekutuan juga membiayai pelbagai projek lain bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat seperti Program Perumahan Rakyat, pembinaan sekolah, fasiliti pembentungan dan perkhidmatan kesihatan luar bandar/ bandar.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN : 218

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan perbincangan Kerajaan Negeri Sarawak dengan Malaysia Airlines Berhad mengenai pembelian Syarikat Penerbangan MASwings dan sama ada kerajaan persekutuan akan terus memberi subsidi penerbangan jika satu syarikat penerbangan baru diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menurut Malaysia Airlines Berhad (MAB), Kerajaan Negeri Sarawak pernah mengadakan perbincangan dengan pihak MAB yang dahulunya dikenali sebagai Malaysia Airlines System Berhad (MAS) pada tahun 2013 berhubung cadangan pembelian syarikat penerbangan MASwings oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, sehingga kini, tiada sebarang keputusan telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak berhubung cadangan pembelian syarikat penerbangan MASwings oleh Kerajaan Negeri Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk meneruskan operasi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (*Rural Air Services – RAS*) bagi laluan-laluan yang tidak berekonomi dalam usaha Kerajaan meningkatkan aksesibiliti penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak ke bandar-bandar yang berdekatan. Perkhidmatan ini mampu meningkatkan taraf kehidupan penduduk luar bandar Sabah dan Sarawak dengan meningkatkan mobiliti sumber ekonomi.

Dalam memenuhi keperluan sosial penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak, perkhidmatan ini dijangkakan mengalami kerugian untuk tempoh yang panjang. Sehubungan itu, pemberian subsidi oleh Kerajaan kepada MASwings adalah bertujuan untuk mengimbangi kerugian yang ditanggung oleh syarikat terbabit dalam penyediaan perkhidmatan udara berkenaan. Oleh yang demikian,

Kerajaan Persekutuan akan terus memberi subsidi kepada MASwings atau mana-mana syarikat penerbangan lain termasuk satu syarikat penerbangan baru yang diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang menyediakan perkhidmatan RAS bagi laluan-laluan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

SOALAN NO: 219

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH :

SOALAN : 219

YB Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Pakar Perubatan, Pegawai Perubatan, Pembantu Pegawai Perubatan, Pegawai Farmasi, Pembantu Pegawai Farmasi dan Jururawat di Hospital Sibul, di setiap poliklinik dan juga di setiap Klinik 1 Malaysia di Sibul.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Mei 2017, bilangan Pakar Perubatan di Hospital Sibul adalah seramai 43 orang, Pegawai Perubatan seramai 346 orang, Penolong Pegawai Perubatan seramai 81 orang, Pegawai Farmasi seramai 72 orang, Penolong Pegawai Farmasi seramai 35 orang dan Jururawat pula adalah seramai 712 orang.

Tuan Yang di-Pertua,

Sejumlah **17** fasiliti kesihatan primer (15 buah Klinik Kesihatan, 1 buah Klinik Desa dan 1 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak) terletak di Bahagian SibU yang meliputi Daerah Kanowit, Selangau dan SibU. Manakala jumlah bilangan anggota kesihatan di fasiliti tersebut sehingga 31 Disember 2016 adalah seramai 345 orang yang terdiri daripada **2** orang Pakar Perubatan Keluarga (iaitu di Klinik Kesihatan Lanang dan di Klinik Kesihatan SibU Jaya), **57** orang Pegawai Perubatan, **44** orang Penolong Pegawai Perubatan, **14** orang Pegawai Farmasi, **24** orang Penolong Pegawai Farmasi dan **204** orang Jururawat. Berbanding bilangan pengisian anggota kesihatan pada 31 Disember 2013, terdapat peningkatan sebanyak 79 orang (29.7%) (daripada 266 meningkat kepada 345 orang). Peningkatan ini merangkumi 5 skim perkhidmatan di mana Pegawai Perubatan meningkat seramai 48 orang (daripada 9 Pegawai Perubatan kepada 57 orang), Penolong Pegawai Perubatan meningkat seramai 34 orang (daripada 10 orang kepada 44 orang).

Untuk Pegawai dan Penolong Pegawai Farmasi, pengisian juga meningkat seramai 5 orang (daripada 33 orang kepada 38 orang). Jururawat pula meningkat seramai 17 orang (daripada 187 orang kepada 204). Tiada Pakar Perubatan Keluarga ditempatkan di Klinik Kesihatan pada tahun 2013.

Bagi Klinik 1Malaysia pula, bilangan Klinik 1Malaysia di Bahagian SibU adalah sebanyak **9** buah klinik, sehingga 31 Disember 2016, terdapat **8** Pegawai Perubatan, **18** Penolong Pegawai Perubatan dan **29** Jururawat. Jika dibandingkan dengan data pengisian 31 Disember 2013, terdapat peningkatan berbanding bilangan fasiliti dan pegawai. Pada 31 Disember 2013 iaitu hanya **7** fasiliti Klinik 1 Malaysia, **6** Penolong Pegawai Perubatan dan **29** Jururawat. Tiada Pegawai Perubatan ditempatkan di Klinik 1 Malaysia pada tahun 2013.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

SOALAN : 220

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta MENTERI
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) kenapa kehabisan atau ketidakcukupan kertas Roadtax di JPJ Sibul telah berlaku pada tahun 2016 dan juga 2017; dan
- (b) sama ada penghawa dingin di JPJ Sibul dapat ditukar baru memandangkan yang sedia ada sering rosak dan tidak berfungsi dengan baik walaupun telah diservis.